



PRESIDEN Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia, Tun Hussein Onn menyematkan bunga ke dada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di majlis makan malam amal persatuan itu hotel terkemuka di Kuala Lumpur semalam.

## **Persatuan Orang Buta berjaya kutip \$110,000**

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Persatuan Bagi Orang-Orang Buta Malaya (MAB) malam tadi berjaya mengumpul \$110,000 di majlis makan malam amal yang mereka anjurkan di Hotel Hilton.

Presiden MAB, Tun Hussein Onn, berkata hasil kutipan ini akan digunakan untuk membina sebuah bangunan di Brickfields untuk menempatkan unit braille yang mengeluarkan buku-buku dan terbitan braille.

Beliau berkata, pihak-

nya dan Kementerian Kesihatan serta Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan menjalankan kajian untuk mengenalpasti kedudukan dan punca buta di kalangan rakyat.

Tumpuan juga akan diberi kepada kanak-kanak dalam kumpulan pra-sekolah dan orang-orang tua untuk mengesan masalah penglihatan mereka.

Beliau menjelaskan, MAB akan menyusun rancangan untuk

menyelidiki masalah yang dihadapi oleh orang-orang buta, di samping memperbaiki mutu perkhidmatan yang sedia ada.

Majlis itu turut dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K. Pathmanaban.

Nyanyian Datuk Maria dan Tengku Dara Naqiah di majlis ini membawa hasil \$40,000 sementara kutipan dari buku cenderamata berjumlah \$2,065.